

Penggunaan Percuma: Terma-Terma dan Syarat-Syarat untuk Penyertaan bagi “SYOKCAST: Idea Penyertaan Podcast” (“Penyertaan SYOKcast”) yang dianjurkan oleh Astro Radio Sdn Bhd (“ARSB”)

1. Penyertaan SYOKcast ini terbuka kepada semua individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada masa penghantaran penyertaan.
2. Peserta harus melayari laman web SYOK atau aplikasi mudah alih SYOK dan melengkapkan semua butir-butir yang diperlukan.
3. Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan untuk Penyertaan SYOKcast ini. Namun demikian, Peserta hanya boleh dipilih sekali oleh ARSB.
4. Tempoh untuk penyertaan adalah dari **1 April 2021** sehingga **31 March 2022** (“**Tempoh Penyertaan SYOKcast**”). ARSB berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Penyertaan SYOKcast atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlakny.
5. Sekiranya dipilih oleh ARSB, Peserta akan berpeluang untuk merekodkan/menjadi tuan rumah (*host*) podcast untuk/di SYOK dan juga berpeluang untuk mendapatkan lesen/hak untuk menggunakan podcast versi *cold material* (iaitu podcast tanpa sebarang muzik latar belakang/kesan bunyi) di platform pilihan Peserta sendiri, tertakluk kepada:
 - a. Peserta berkoperasi dengan ARSB yang termasuk mengambil bahagian dalam perbincangan lanjut mengenai podcast yang dicadangkan untuk/di SYOK (“**peringkat perbincangan**”); dan
 - b. Peserta menandatangani satu borang pelepasan/perjanjian yang diberikan oleh ARSB, yang menyatakan terma dan syarat lanjut yang Peserta harus mematuhi sebelum beliau dibenarkan untuk merekodkan/menjadi tuan rumah untuk podcast untuk/di SYOK.
6. Untuk mengelakkan keraguan, tiada apa yang dinyatakan di sini dimaksudkan untuk mewajibkan ARSB untuk memilih Peserta dan ARSB mempunyai hak mutlak untuk menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan untuk apa jua sebab dan pada bila-bila masa, tidak kira sebelum, semasa atau selepas peringkat perbincangan. Apa-apa keputusan oleh ARSB mengenai Penyertaan SYOKcast ini adalah muktamad dan ARSB tidak akan melayan apa-apa rayuan atau persoalan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.
7. Dengan menghantar penyertaan, Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada dan memberikan ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka, hak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedar, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan butiran rancangan/foto/video/skrip yang diberikan oleh Peserta (termasuk butiran yang diberikan semasa peringkat perbincangan) dan Peserta mengetepikan apa-apa hak moral dalam butiran rancangan/foto/video/skrip tersebut (termasuk butiran yang diberikan semasa peringkat perbincangan). ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka mempunyai hak tunggal (tetapi tidak ada kewajipan) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiarkan butiran rancangan/foto/video/skrip tersebut (termasuk butiran yang diberikan semasa peringkat

perbincangan) dan/atau memasukkannya dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk sebarang tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan pengiklanan promosi dan pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti kepada Peserta.

8. Semua konsep-konsep, audio-audio, skrip-skrip, kapsul-kapsul dan/atau produk-produk atau bahan-bahan di dalam apa-apa bentuk dan format yang dibuat, direkodkan dan dihasilkan oleh ARSB untuk Penyertaan SYOKcast ini (secara kolektif, "**Karya**") adalah dimiliki secara tunggal dan khususnya oleh ARSB, dan ARSB merupakan pemilik tunggal semua harta intelek di dalam Karya tersebut. Peserta tidak mendapat sebarang hak kepada Karya tersebut dan tidak boleh menggunakan Karya tersebut untuk apa-apa tujuan lain tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada ARSB terlebih dahulu. Klausula ini adalah terpakai tidak kira jika ARSB membuat keputusan untuk menolak Peserta semasa atau selepas peringkat perbincangan.
9. Peserta juga bersetuju bahawa ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka mempunyai hak untuk menggunakan nama, *sobriquet*, tandatangan, kesamaan, gambar, potret, karikatur, *silhouette*, suara Peserta untuk Penyertaan SYOKcast ini termasuk untuk waktu siaran atau usaha atas talian, komersial, pengiklanan, publisiti, barang dagangan, penerbitan, atau penerbitan muzik oleh ARSB.
10. Tertakluk kepada Peserta berjaya menghabiskan peringkat perbincangan dan merekodkan/menjadi tuan rumah podcast menurut terma yang dinyatakan di dalam borang pelepasan/perjanjian yang diberikan oleh ARSB, ARSB akan memberikan kepada Peserta hak dan lesen (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam podcast versi *cold material* di platform pilihan Peserta sendiri.
11. ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka dengan khususnya menafikan kesemua dan apa jua liabiliti berkaitan dengan Penyertaan SYOKcast ini (termasuk peringkat perbincangan). Peserta setuju untuk menggantirugi (*indemnify*) dan melepaskan ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka dari dan terhadap sebarang dan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan penyertaan Peserta dalam Penyertaan SYOKcast ini (termasuk peringkat perbincangan) termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran rancangan yang diberikan oleh Peserta dan penggunaan butiran rancangan tersebut.
12. Dengan menghantar penyertaan, Peserta bersetuju untuk tertakluk kepada dan akui bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju kepada terma-terma di dalam Notis Privasi yang terdapat di www.astroradio.com.my dan setuju kepada pemprosesan data peribadi Peserta oleh ARSB, dan juga bersetuju kepada penerbitan data peribadi mereka di platform awam untuk tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengiklanan promosi dan pemasaran podcast yang dicadangkan untuk/di SYOK.
13. ARSB berhak meminda, menambah atau mengubah terma-terma dan syarat-syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu, dan dengan menghantar penyertaan selepas pemindaan, penambahan atau perubahan, Peserta bersetuju untuk tertakluk kepada terma dan syarat sepertimana dipinda, ditambah atau diubah.

14. Bahasa utama terma-terma dan syarat-syarat ini adalah Bahasa Inggeris. Apa-apa terjemahan kepada bahasa lain adalah untuk tujuan kemudahan sahaja. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang bercanggah dengan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.